UUM NEWS HIGHLIGHTS

STRAITS TIMES | Utusan Malaysia | Kosmo! | BH
Sinar | Star | Metro

Date: 19/9/26 Page: 35

UUM/AA88/UM/19.09.2026/P:35(1-3)

Nenek Buddha, cucu Islam gambaran kasih rentas agama

KUBANG PASU: Perbezaan agama tidak pernah menjadi penghalang hubungan akrab antara Nur Hazizah Indrasafri, 24, dengan neneknya yang beragama Buddha, malah hubungan itu menjadi bukti bahawa kasih sayang keluarga mampu merentasi batas agama dan bangsa.

Pelajar baharu Universiti Utara Malaysia (UUM) itu berkata, neneknya, Ng King Fong, 72, yang membesarkannya sejak kecil sentiasa menghormati pegangan Islam yang dianutinya.

Katanya, dia juga menghormati kepercayaan neneknya dan tidak pernah menganggap perbezaan agama sebagai sesuatu yang boleh menjarakkan hubungan mereka.

"Kalau nenek sembahyang atau melakukan apa-apa berkaitan agama Buddha, saya tiada masalah dan kalau nenek nampak saya solat di rumah pun begitu juga. Cara makan pula nenek hanya pastikan makanan yang ada di rumah kami adalah halal," katanya ketika ditemui pada Pendaftaran Pelajar Baharu UUM Sesi 2026/2027 baru-baru ini.

Nur Hazizah yang menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hospitaliti berkata, neneknya memahami asas agama Islam selepas dia sendiri berkongsi mengenai perkara itu.



NAIB Canselor UUM, Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed bertemu Nur Hazizah Indrasafri yang menyambung pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hospitaliti di UUM, Sintok, Kedah.

"Sebelum ini bila kehidupan kami diketahui orang saya sedar terdapat komen negatif di media sosial mengenai saya dan keluarga, namun kami memilih untuk tidak mengambil kisah.

"Saya cerita juga kepada nenek. Nenek kata jangan pedulikan yang negatif kerana sejak dahulu lagi dia sudah penat berdepan dengan perkara seperti itu. Orang tanya dia kenapa perlu jaga orang berlainan bangsa dan agama. Tetapi bagi nenek, dia tidak kisah semua itu kerana dia fikir saya ialah cucunya," katanya.